

13 APR 1997

S46 - Cawangan

LEBIH 1,000 BEKAS ANGGOTA S46 MINTA SEGERA DITEMPATKAN DI CAWANGAN

KOTA BAHARU, 13 April (Bernama) -- Sebanyak 1,280 anggota Umno bahagian Kota Baharu, yang diserapkan ke dalam parti melalui kemasukan beramai-ramai bekas anggota Parti Melayu Semangat 46 (S46) merayu supaya dipercepatkan penempatan mereka di cawangan-cawangan.

Pegawai Penyelaras dari bekas anggota S46, Wan Rahim Wan Hassan berkata, mereka ialah kumpulan pertama yang diterima masuk sebagai anggota oleh Majlis Tertinggi.

"Sehingga hari ini, kami belum menerima kata putus daripada Ketua Bahagian Kota Baharu Datuk Ahmad Rastom Mohd Maher mengenai cawangan-cawangan yang boleh dianggotai," katanya pada persidangan berita di sini, hari ini.

Katanya, penyerapan ke dalam cawangan-cawangan adalah penting untuk membolehkan setiap ahli memberikan sumbangan termasuk dalam mesyuarat agung cawangan.

"Walaupun semua bekas anggota S46 diterima sebagai anggota Umno tetapi mereka belum ditempatkan di cawangan-cawangan," kata beliau.

Katanya, mesyuarat agung Umno cawangan-cawangan di bahagian Kota Baharu sedang berlangsung sekarang tetapi namun anggota-anggota Umno (bekas anggota S46) yang tiada cawangan tidak layak untuk menghadiri mesyuarat itu.

Oleh itu adalah perlu mesyuarat agung peringkat bahagian ditangguhkan dahulu sehingga kesemua anggota Umno itu diserapkan ke dalam cawangan-cawangan, katanya.

Wan Rahim berkata, seramai 13,000 bekas anggota S46 di bahagian Kota Baharu telah memohon untuk menyertai Umno melalui permohonan beramai-ramai yang diserahkan oleh bekas Presiden parti Tengku Razaleigh Hamzah kepada Presiden Umno Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad pada Oktober tahun lepas.

Daripada 13,000 permohonan itu, hanya 1,280 layak diterima menjadi anggota Umno selepas beberapa proses pemilihan dibuat secara bersama oleh jawatan penyelaras.

Sehubungan itu, beliau merayu Majlis Tertinggi parti menyegerakan proses penempatan bagi membolehkan mereka memberi sumbangan kepada parti.

-- BERNAMA

ZI FAZ